

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	1 OCTOBER 2016

Kerajaan arah langkah keselamatan baharu di Sabah

Maklumat bocor punca culik - PM

um - 1/10/2016

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**
dan **MAISARAH SHEIKH RAHIM**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 30 SEPT.**

LANGKAH-LANGKAH keselamatan yang baharu akan diperkenalkan segera di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) dalam usaha kerajaan menghentikan siri penculikan di perairan negeri itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, langkah segera itu diambil selepas siasatan awal mendapati insiden penculikan oleh kumpulan bersenjata dari selatan Filipina disebabkan kebocoran maklumat dalaman sehingga membolehkan kawalan keselamatan negara dibolosi.

Menyifatkan perkembangan itu sebagai tamparan kepada negara, beliau dalam nada tegas mahu pihak keselamatan di Ka-

wasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) bertindak segera kerana rakyat Sabah kini tertekan dengan siri penculikan yang berlaku.

“Ada maklumat melalui orang dalam. Jadi bila ada maklumat dalaman dia (kumpulan penculik) tahu bila serta di kawasan mana pasukan keselamatan tiada dan pada masa itu mereka bertindak.

“(Bagaimanapun) ini bukan alasan. Saya pun rasa satu tamparan pada kita. Kita hendak supaya tindakan baharu dilakukan oleh pasukan keselamatan kerana rakyat Sabah tidak boleh terima insiden penculikan ini,” katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini hari ini.

Najib yang juga Presiden UMNO berkata demikian ketika diminta mengulas siri insiden penculikan yang berlaku hampir setiap bulan di Sabah dengan ter-

baharu, seorang nelayan warga tempatan diculik dekat Lahad Datu pada Selasa lalu.

Mengulas lanjut, beliau berkata, berikutan kawasan perairan Sabah yang begitu luas adalah mustahil untuk pihak keselamatan menempatkan aset serta anggotanya pada setiap masa di semua kawasan di negeri itu.

Tambahnya lagi, bukan hanya Malaysia malah tiada mana-mana negara pun berkeupayaan untuk berbuat demikian termasuklah negara maju.

Dalam pada itu, ditanya lanjut mengenai insiden kebocoran maklumat dalaman dan apakah dalangnya adalah anggota keselamatan sendiri, Perdana Menteri enggan mendedahkannya.

“Saya percaya memang ada maklumat dalaman disampaikan kepada orang luar sebab itu sukar bagi kita untuk kawal perairan dan pesisiran pantai yang luas,” ujarnya.